

**PEKAKA BELACAN**  
Ruddy Kingfisher

FAMILI: Halcyonidae  
NAMA SINTIFIK: *Halcyon coromanda*



**CIRI-CIRI**

Individu dewasa mempunyai keseluruhan bulu yang berwarna kemerahan serta hujung bahagian atas badan yang berwarna keunguan. Pada bahagian bawah belakang badan dan bahagian atas tongkeng terdapat tompok berwarna putih kebiruan. Individu ini mempunyai paruh tebal berwarna merah cerah. Individu juvenil mempunyai bahagian belakang tengkuk, tengkuk, bahagian bawah belakang badan dan atas tongkeng berwarna biru. Pada bahagian atas badan terdapat jalur lebar berwarna coklat gelap manakala bahagian paruh individu ini berwarna perang kecoklatan.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 26.5-27.0 sm.

**MAKANAN**

Ikan dan haiwan akuatik.

**HABITAT**

Hutan paya bakau, kawasan hutan di kepulauan, hutan dipterokap berhampiran dengan kawasan berair pada ketinggian sehingga ke 900 m dari aras laut.

**BUNYI**

Mengeluarkan bunyi lembut yang parau iaitu seakan-akan menggigil *tyuurrrrr* atau *quirr-r-r-r-r* berulang-ulang selepas berhenti seketika.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah Mac-Julai di mana sarang dibina pada bahagian lohong di kawasan tebing. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 4-6 biji berwarna putih berkilat dan berukuran kira-kira 29.2 X 26.7 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.